



## Budaya dan Warisan Orang Asli Kensiu Lubuk Legong, Baling, Kedah

Nur Faaizah Binti Md Adam, Mohd Sharifudin Yusop, Noor Saadah Binti Salleh  
Universiti Teknologi Mara

### Article Info

**Received:**  
14 September 2019

**Accepted:**  
25 September 2019

**Publish**  
01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

### Abstrak

*Orang Asli is a part of the Malaysian population who have lived in the country for thousands of years. There are three tribes of Orang Asli namely Senoi, Proto and Negrito. Orang Asli Kensiu belongs to Negrito Native tribe and is the smallest and oldest indigenous group in Peninsular Malaysia compared to Senoi and Proto groups. Orang Asli Kensiu is only available in Kampung Lubuk Legong, Baling, Kedah. Their total number is 257 people comprising of 77 families in 2016. With their minority nature, many of the cultural aspects of this society that symbolize their identity have become increasingly lost over time. Hence not much writing on the culture and customs of this tribe, whether in the form of a general not to mention in scientific form, this article is as one of the earliest efforts to document the existence of this society.*

**Keywords:** culture, heritage, customs, beliefs, Orang Asli Kensiu, Kampung Lubuk Legong.

### Pengenalan

Menurut Geoffrey Benjamin (2012), suku bangsa Negrito adalah keturunan manusia pra-sejarah yang digelar Austro-Melanesians yang berhijrah ke Asia Tenggara dari kawasan negara China 7000 hingga 10000 tahun dahulu. Walau bagaimanapun, ada juga sejarah purba yang merumuskan mereka berada di kawasan ini lebih awal lagi. Suku bangsa Senoi dan Melayu Proto pula adalah keturunan daripada manusia prasejarah yang digelar Austronesian (*Malayo-Polysenian*) yang dipercayai berhijrah secara berperingkat dan kecil-kecilan dari selatan China dan Taiwan ke kawasan Asia Tenggara sehingga ke Madagaskar di barat dan pulau-pulau Pasifik di timur kira-kira 3000 hingga 5000 tahun dahulu.

Suku bangsa Negrito merupakan masyarakat orang Asli yang terkecil jika dibandingkan dengan suku bangsa Senoi dan Melayu Proto. Suku bangsa Negrito juga dikenali sebagai suku Semang. Istilah Semang digunakan oleh orang Melayu bagi merujuk kepada suku bangsa Negrito yang hidup memburu dan memungut hasil hutan di Semenanjung Malaysia. Orang Semang merupakan penduduk paling tua di Semenanjung Malaysia dan di Asia Tenggara.

Suku bangsa Negrito ramai terdapat di bahagian utara Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand. Masyarakat Negrito (*Semang*) juga terdapat di Filipina hingga Kepulauan Andaman di Teluk Benggal, Selatan Myanmar, pedalaman Sumatera dan Sulawesi. Di selatan Thailand, orang Semang juga dikenali sebagai '*Tonggo*' atau '*Mos*'. Manakala di Kelantan, masyarakat ini dikenali sebagai '*Pangan*'. Namun, kedua-dua istilah ini telah diketepikan dan digantikan dengan istilah Negrito.

Pengkaji Barat yang awal memperkenalkan istilah '*little negro*' berdasarkan ciri-ciri fizikal dan perwatakan masyarakat berkenaan (Ensiklopedia Sejarah dan Peradaban Melayu, 1999.). Mereka berkulit gelap, berambut kerinting yang tumbuh rapat dengan kulit kepala, bermata bundar, berhidung lebar, bibir penuh, tulang pipi yang timbul dan purata ketinggian 1.47 meter bagi lelaki, manakala kaum wanita lebih rendah. Orang Semang membahaskan diri

mereka sebagai '*minik*' yang bermaksud '*orang*'. Selain itu, pengenalan diri juga bergantung pada suku kaum atau '*puak*'.

Orang Semang atau Negrito merupakan salah satu rumpun bangsa orang Asli Semenanjung yang paling terkenal sebagai sebuah masyarakat '*egalitarian*'. Masyarakat ini terdiri daripada enam suku kaum iaitu Bateq (atau Batik, Ngok, Herb), Jahai (atau Jahay), Kensiu (atau Kenseu, Kensieu) dan Mendriq (atau Menrik, Menreq, Menrab), Kintaq dan Lanoh. Kesemua istilah panggilan suku kaum ini membawa gabungan maksud '*orang*' dengan '*hutan*', '*darat*' atau '*daratan*'.

### **Orang Asli Kensiu**

Kensiu adalah orang Asli daripada rumpun bangsa Negrito. Kebanyakan mereka terdapat di Kedah, terutamanya di bahagian tenggara negeri itu. Selain itu, orang Kensiu terdapat di Hulu Perak dan Selatan Thailand. Masyarakat ini terbahagi kepada sekurang-kurangnya empat subkumpulan Kensiu iaitu Mos, Makil (atau Dalem), Hetat dan Tanjen.

Pada masa dahulu, orang Kensiu mendiami sebuah wilayah Kensiu yang luas, yang menjangkau hingga ke Thailand. Mereka sering berpindah namun pergerakan ini hanya berlaku dalam wilayah mereka sahaja. Pada akhir tahun 1950-an, orang Kensiu yang masih berpindah-randah dan bersebaran dalam kelompok kecil di daerah Sik berserta orang Kintak dan daerah Kupang dan Siong dipindahkan ke sebuah Rancangan Penempatan Semula di Pokok Sena berhampiran bandar Baling.

Pada tahun 1960, sebuah kawasan seluas 600 ekar berhampiran Kampung Lalang, Mukim Siong diwartakan sebagai rizab orang Asli. Pada tahun 1965 pula, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) membina rumah dikawasan ini untuk orang Kensiu dan orang Kintak. Pada masa ini, terdapat beberapa perkampungan kekal orang Kensiu di negeri Kedah seperti Lubuk Legong, Tasik, Bendang Man dan Bukit Asu di Hulu Perak. (Ensiklopedia Sejarah dan Peradaban Melayu, 1999:1149-1150).

Dalam negeri Kedah hanya terdapat sebuah kampung orang Asli sahaja iaitu Kampung Lubuk Legong, terletak dalam mukim Siong dan jaraknya lebih kurang 13 kilometer dari bandar Baling. Kampung ini ada satu-satunya penempatan Kensiu di Semenanjung Malaysia. Petempatan mereka kini telah dilengkapi dengan sebuah surau, sebuah dewan serbaguna, kedai runcit, tabika, gelanggang takrow dan terdapat 46 buah rumah milik penduduk yang dibina oleh JHEOA dan sebuah rumah milik petugas JAKIM. Petempatan mereka juga dilengkapi dengan bekalan elektrik dan bekalan air masyarakat yang disediakan oleh agensi yang berkenaan.

### **Metodologi**

Pengkaji menggunakan pendekatan etnografi untuk mengkaji budaya orang Asli Kensiu di Kampung Lubuk Legong. Menurut Creswell (1998), etnografi merupakan bentuk kajian yang praktikal untuk mengkaji sesuatu kumpulan seperti pendidikan, kepercayaan, tingkah laku dan bahasa. Kajian etnografi merupakan bentuk kajian kualitatif yang digunakan untuk menerangkan, menganalisis dan menginterpretasi bentuk "*culture-sharing*" sesuatu kumpulan seperti tingkah laku, kepercayaan, bahasa, ekonomi, struktur politik, interaksi, kehidupan dan gaya dalam perhubungan. Untuk memahami "*culture-sharing*" seseorang pengkaji perlu meluangkan masa di lapangan untuk interview, memantau dan mendokumentasi bagi memahaminya. Masa yang lama diambil maka data dapat direkodkan dengan terperinci. Oleh itu, etnografi ialah pengembaraan suatu budaya atau cara hidup dalam sesuatu komuniti. Ia menjelaskan sesuatu budaya atau mana-mana aspek budaya.

Antara kaedah yang digunakan untuk mengumpul data budaya dan warisan Kensiu ialah kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian serta rakaman. Informan yang dipilih mempunyai latar belakang bahasa Kensiu yang fasih dari aspek pertuturan dan mengamalkan budaya dan adat resam Kensiu.

## **Budaya dan Warisan Orang Asli Kensiu**

Menurut Mee, S. & Ibrahim, Y. (2008), masyarakat Orang Asli juga mengamalkan pelbagai jenis adat budaya, pantang larang, kepercayaan, amalan kesihatan dan nilai hidup mereka yang unik dan tersendiri. Masyarakat Orang Asli mempunyai satu nilai hidup yang harmoni di antara sesama insan dan alam persekitaran semula jadi mereka. Oleh itu, hubungan mereka sesama manusia dan alam persekitaran mereka banyak mempengaruhi cara hidup dan sumber ekonomi mereka. Mereka kebiasaannya menetap di tiga kawasan petempatan utama iaitu di kawasan pedalaman, pinggiran dan perbandaran. Warisan umumnya dikatakan sebagai sesuatu yang diwarisi daripada generasi yang terdahulu. Hal ini kerana, warisan adalah ilmu pengetahuan dan kepakaran yang diwariskan kepada individu atau dalam sesebuah masyarakat melalui cara hidup, kepercayaan yang dijemakan melalui objek budaya dan menggambarkan memori keseluruhan hidup masyarakat serta melambangkan ketamadunan sesuatu masyarakat itu. Tambahan lagi, budaya ialah sesuatu perkara yang dapat mencorakkan kehidupan sesebuah masyarakat melalui proses pembelajaran (Yusof, R., 2010). Selain itu, budaya dilihat sebagai lambang identiti sesebuah masyarakat, tidak kurang juga dengan masyarakat orang Asli sendiri terdapat banyak budaya yang dimiliki oleh mereka. Budaya tersebut sememangnya unik kerana mempunyai kepelbagaian tradisi yang diamalkan sehingga kini. Terutamanya golongan berusia dalam masyarakat orang Asli, mereka telah mencuba sedaya upaya mempertahankan budaya yang diwarisi kepada mereka dan mencuba untuk mewarisi budaya tersebut kepada pelapis muda (Denaizal, 2009).

Berdasarkan hasil kajian lapangan yang dijalankan, pengkaji telah memperoleh data berkaitan budaya dan adat resam orang Asli Kensiu di Kampung Lubuk Legong Kedah. Antaranya ialah dari segi perkahwinan, perkenalan, merisik, kelahiran dan kematian. Seterusnya dipaparkan juga aspek budaya dari segi perubatan, ubat dan herba tradisonal, masakan dan makanan tradisi serta sistem kepercayaan dalam suku kaum orang Asli Kensiu.

### **Perkahwinan**

Kumpulan kaum Negrito biasanya kahwin awal; lelaki dalam lingkungan 18 tahun dan perempuan pula lebih muda beberapa tahun. Kecuali rumpun bangsa Jahai, kumpulan kaum Negrito yang lain khususnya rumpun bangsa Kensiu dan Mendriq membenarkan perkahwinan di antara sepupu. Sementara itu perhubungan sejenis dan perkahwinan adik-beradik adalah ditegah sama sekali.

### **Perkenalan**

Perkenalan antara teruna dan dara terjadi apabila mereka saling suka antara satu sama lain. Mereka akan mencari pasangan hidup masing-masing untuk dijadikan isteri atau suami. Ibu bapa meletakkan kepercayaan kepada anak-anak untuk mencari pasangan mereka sendiri. Setelah itu barulah upacara merisik dilakukan untuk berjumpa dengan ibu bapa pihak perempuan.

### **Merisik**

Pihak lelaki akan menghantar wakil untuk merisik pihak perempuan. Pada waktu ini wakil pihak lelaki akan bertanya kepada pihak perempuan tentang niat dan tujuan mereka datang ke rumah. Jika kedua-dua pihak bersetuju maka perkahwinan akan dilakukan pada hari yang sama. Semasa acara merisik dilakukan pihak lelaki perlu membawa sirih, pinang, kapur, tembakau serta barang permintaan dari pihak perempuan contohnya parang dan kain.

Terdapat dua cara perkahwinan orang Asli Kensiu. Cara pertama ialah dengan mengelilingi busut iaitu disebut '*ming*' dalam bahasa Kensiu. Bakal suami akan mengejar bakal isteri mengelilingi busut tersebut. Menurut Tok Batin Razali bin Kulim cara ini tidak lagi dilakukan dalam masyarakat Kensiu. Cara yang kedua ialah selepas sahaja acara merisik dilakukan bakal suami akan tidur di rumah bakal isteri pada malam hari merisik. Setelah itu barulah mereka

sah sebagai suami isteri dan si suami harus tinggal di rumah bapa mentua dan tidak boleh berpindah sehingga mereka mendapat seorang cahaya mata.

Keesokan malamnya barulah kenduri dilakukan di rumah pihak perempuan. Tetamu akan dihidangkan dengan makanan tradisional mereka seperti ubi dan padi huma serta dilayan oleh pengantin dan keluarga pengantin dengan baik. Tetamu yang hadir terdiri daripada keluarga, saudara-mara dan jiran-jiran terdekat. Tujuan kenduri ini diadakan adalah untuk memaklumkan bahawa mereka sudah menjadi suami isteri yang sah. Antara acara yang sering dilakukan semasa kenduri ialah sewang untuk meraikan pengantin yang dilakukan selama 3 hari 2 malam.

Lelaki Kensiu yang ingin berkahwin juga perlu mahir dan pandai dalam aktiviti memburu, menyumpit, membuat rumah, membuat anak panah, membuat jerat, mencari ubi dan lain-lain. Kemahiran dan pengetahuan itu akan membolehkan si suami dapat mencari nafkah untuk menyara dan anak-isteri masing-masing.

### **Kelahiran**

Apabila bakal ibu mengalami sakit untuk bersalin kaum wanita Kensiu akan berkumpul di rumah ibu berkenaan sehingga wanita itu selamat melahirkan bayi. Kelahiran bayi pula akan diuruskan oleh bidan. Jika tiada bidan, suami dikehendaki menyambut kelahiran anaknya atau sesiapa sahaja yang berani melakukan proses kelahiran itu. Setelah bayi lahir tali pusatnya dipotong seperti biasa oleh bidan. Bayi dimandikan dan selepas itu diselimutkan. Uri dan temuni dibersihkan oleh suami dan ditanam di tempat yang jauh dari laluan orang seperti di dalam hutan. Bagi masyarakat Kensui, mereka tidak mengadakan kenduri kesyukuran untuk bayi yang baru dilahirkan. Mereka hanya akan memaklumkan berita gembira tersebut kepada saudara mara dan jiran-jiran sahaja.

### **Kematian**

Apabila berlaku kematian si mati akan dikebumikan serta-merta dan saudara mara, sahabat handai yang tinggal berdekatan akan menziarahi si mati. Sebelum si mati dibawa ke tanah perkuburan bomoh akan menjampi daun bonglai dan menyembur daun tersebut di bahagian ubun perempuan mengandung dan kanak-kanak yang hadir. Daun bonglai ini berwarna kuning seperti kunyit.

Si mati dimandikan dan dikapankan dengan dua lapis kain putih. Jika tiada kain si mati tidak perlu dikapankan. Sebelum si mati dimasukkan dan diletakkan ke liang lahad, bomoh akan menyembur daun bonglai sekali lagi ke dalam liang lahad berkenaan. Kedalaman kubur pula ialah paras lutut atau paha sahaja. Bagi masyarakat Kensiu, kubur si mati akan menghala sebelah matahari terbit. Si mati ditanam dalam kedudukan terlentang dan kepala berada di sebelah matahari terbit.

Proses pengebumian seterusnya ialah dengan meletakkan 34 batang kayu atau buluh yang telah dipotong panjang-panjang di dalam liang lahad. Kemudian diletakkan satu lapis kayu lagi ke dalam liang lahad dan tutup kayu tersebut menggunakan daun tepoh bagi mengelakkan tanah jatuh ke badan si mati. Tanah akan dikambus ke dalam kubur dan bomoh akan menabur daun bonglai di kubur tersebut.

Selepas proses pengebumian dilakukan, keluarga si mati perlu membuat majlis kenduri untuk si mati. Kenduri ini akan dihadiri oleh saudara mara dan jiran-jiran terdekat. Rumah si mati juga akan dijampi oleh bomoh dengan cara yang sama iaitu menggunakan daun bonglai. Waris si mati pula perlu meletakkan unggun api di atas kubur si mati sebelum maghrib selama dua minggu berturut-turut. Menurut Tok Batin Razali hal ini dilakukan supaya roh si mati boleh bangun dari kubur untuk berdiang.

Masyarakat Kensiu juga percaya roh si mati akan pulang ke rumah semula selepas dikebumikan. Oleh itu, keluarga si mati perlu meninggalkan rumah tersebut dan berpindah ke rumah yang baru. Namun, kini kepercayaan ini tidak diamalkan dan waris si mati masih mendiami rumah berkenaan apabila berlaku sesuatu kematian. Bagi isteri yang kematian suami dan suami yang kematian isteri mereka boleh berkahwin semula pada bila-bila masa tanpa ada sebarang pantang larang.

## **Perubatan**

### **Bomoh**

Masyarakat Kensiu mempercayai bomoh bukan sahaja berperanan sebagai mengubati penyakit. Kelebihan dan ilmu yang luar biasa pada dirinya menyebabkan dia dihormati dan disegani oleh kaumnya. Bomoh kebiasaannya orang yang sudah tua. Antara kelebihan bomoh ialah dapat membantu mencari orang yang hilang dan sesat di dalam hutan. Menurut Tok Batin Razali, bomoh di Kampung Lubuk Legong hanya tinggal dua orang sahaja iaitu bapa dan bapa saudara beliau.

Pak Kulim merupakan penduduk yang memiliki ilmu pengetahuan tentang orang Asli Kensiu di Kampung Lubuk Legong. Beliau menjadi rujukan penduduk Kampung Lubuk Legong terutamanya dalam hal adat resam dan budaya kaum Kensiu. Ilmu dan pengetahuan beliau sangat penting kepada generasi muda agar mereka tidak melupakan identiti dan tradisi turun temurun kaum Kensiu. Pak Kulim bin Keramat mempunyai lima orang anak dan tiga orang cucu. Selain menjadi bomoh, beliau juga bekerja sendiri seperti penduduk kampung yang lain. Terdapat orang Melayu yang mengikut beliau ke hutan untuk belajar mencari akar kayu dan berburu.

Puan Syarifah binti Kunyit merupakan ibu kepada Tok Batin Razali. Beliau pernah menyimpan keris datuknya yang dipercayai mempunyai kuasa dan kelebihan kepada si pemiliknya. Ia merupakan barang pusaka dari arwah ibunya. Namun begitu, keris ini hanya boleh dimiliki oleh orang lelaki sahaja dan telah diberikan kepada adik lelaki beliau. Kaum perempuan tidak boleh menyentuh dan memakainya. Keris ini dianggap boleh menjaga keselamatan dan melindungi pemiliknya daripada bencana dan malapetaka.

### **Jampi**

Sebelum perkhidmatan perubatan moden diperkenalkan, bomoh memainkan peranan penting dalam perubatan tradisi dengan menggunakan daun dan akar kayu. Bomoh akan menjampi pesakit berkenaan di samping menetapkan beberapa pantang agar penyakit akan pulih segera. Jampi adalah ayat-ayat yang dibaca bagi sesuatu tujuan. Jampi ini selalunya digunakan untuk merawat pelbagai jenis penyakit atau tujuan-tujuan lain seperti yang dihajatkan oleh seseorang, termasuk orang luar. Orang Asli Kensiu percaya setiap penyakit ada penunggu dan hantunya. Ia boleh dihalau dengan jampi serapah. Perkhidmatan jampi dikenakan pengeras yang ditetapkan oleh bomoh mengikut kemampuan yang dipersetujui. Antara pengerasnya yang dikenakan ialah berbentuk wang dan keperluan harian seperti makanan.

### **Ubat dan Herba Tradisional**

Semasa generasi dahulu masyarakat Kensiu mencari ubat di dalam hutan. Setiap daun dan pokok dapat mengubati pelbagai jenis penyakit. Penyediaan ubat dan herba ini juga diiringi dengan jampi oleh bomoh. Antara tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan ubat ialah seperti berikut:

- |                       |                          |
|-----------------------|--------------------------|
| i) Daun gelonggang    | viii) Kulit susu harimau |
| ii) Daun ceklok       | ix) Akar awit ilik       |
| iii) Daun salak bukit | x) Kacip fatimah         |
| iv) Pokok makmok      | xi) Kulit bengka         |

- |      |                    |       |            |
|------|--------------------|-------|------------|
| v)   | Akar keret manik   | xii)  | Akar jamu  |
| vi)  | Akar teja bukit    | xiii) | Daun ruing |
| vii) | Daun layang-layang | xiv)  | Paku kelok |

Daun gelonggang dan daun ceklok dapat mengubati luka. Cara menyediakannya ialah dengan menumbuk lumat daun tersebut dan diletakkan pada tempat luka. Daun salak bukit pula dapat menyembuhkan demam. Cara penyediaannya ialah dengan mengambil bahagian tengah daun (*sulo daun*) dan rendam dalam buluh yang berisi air. Setelah itu, letak daun tersebut di kepala pesakit. Pokok makmok pula berfungsi untuk merawat sakit urat. Isi daun makmok lembut. Cara penyediaannya ialah dengan mencincang isi pokok makmok kemudian rebus dan diminum oleh pesakit. Akar keret manik boleh mengubati penyakit kencing manis. Caranya ialah dengan merebus akar itu terlebih dahulu dan airnya diminum.

Manakala, akar pokok teja bukit dan teja kampung dapat merawat penyakit darah tinggi. Akarnya diambil dan direbus kemudian diminum. Daun layang-layang pula untuk merawat sakit mata. Bagi merawat kanser payudara, orang asli Kensiu menggunakan kulat susu harimau. Kulat ini berbentuk seperti payung, berwarna koko dan berasa manis. Ia juga hanya tumbuh setahun sekali sahaja dan sukar ditemui. Kulat ini akan dijemur sehingga kering dan dihiris halus-halus sebelum direbus. Setelah itu barulah diminum dalam keadaan suam pada setiap hari.

Akar awit ilik pula untuk mengubati sakit gigi. Akar pokok ini diasah terlebih dahulu sebelum diletakkan pada bahagian gigi yang sakit. Akar kayu ini panas seperti minyak angin. Menurut Pak Kulim, dalam 3 hingga 5 minit sakit gigi akan beransur hilang. Seterusnya, kacip fatimah adalah herba yang baik untuk dalaman wanita. Herba ini sesuai untuk wanita yang baru bersalin dan mengubati masalah keputihan. Ia berfungsi untuk mengecutkan rahim wanita yang baru bersalin. Kulit bengka dan akar jamu pula untuk mengubati sakit perut manakala daun ruing mengubati cirit-birit. Paku kelok iaitu sejenis paku gunung pula dapat merawat lelah, penat dan asma. Daunnya direbus dan diminum.

## **Sewang**

Sewang adalah upacara perubatan yang dilakukan dalam masyarakat Kensiu di kampung Lubuk Legong. Menurut Pak Kulim yang merupakan bomoh di kampung Lubuk Legong terdapat tiga jenis sewang dalam masyarakat Kensiu iaitu sewang perubatan, sewang tahunan dan sewang meraikan tetamu. Pada masa dahulu mereka melakukan sewang perubatan untuk mengubat orang sakit yang menggunakan jampi dan bacaan tertentu. Manakala sewang tahunan dilakukan untuk musim-musim tertentu seperti musim buah, musim bunga dan lain-lain lagi. Sewang meraikan tetamu pula diadakan ketika kenduri kahwin dan semasa mengadakan acara dan majlis tertentu. Aktiviti sewang hanya dilakukan pada sebelah malam sahaja.

## **Sewang Tahunan**

Sewang ini bertujuan untuk memanggil roh semangat bagi musim-musim tertentu. Contohnya, musim bunga dan musim buah. Sewang ini melibatkan upacara pemujaan. Mereka akan memuja musim itu dengan menyanyi lagu-lagu yang berkaitan dengan musim tersebut seperti lagu Sai Surai Bungak (*kuntum bunga yang luruh*). Selain itu mereka akan memuja semangat gunung, sungai, pokok dan lain-lain. Sepanjang pemujaan dijalankan mereka berada dalam keadaan tidak sedar. Untuk pemujaan ini hanya orang tua sahaja yang terlibat. Kanak-kanak dan perempuan mengandung tidak dibenarkan berada dalam upacara pemujaan tersebut. Upacara ini diketuai oleh seorang bomoh dan terdapat beberapa pengikut yang menari dan menghentak buluh panjang. Sewang tahunan hanya dilakukan pada sebelah malam kira-kira pukul 9 malam sehingga 5 pagi. Mereka menggunakan kemenyan dan memasang api di tengah dan mengelilingi api tersebut.

### **Sewang Perubatan**

Sewang ini bertujuan untuk mengubati sakit-sakit biasa seperti demam, sakit-sakit badan, sakit buatan orang dan lain-lain lagi. Upacara ini diketuai oleh seorang bomoh dan terdapat beberapa pengikut yang menari dan menghentak buluh sambil mengelilingi pesakit yang duduk berdekatan dengan unggun api. Upacara ini juga menggunakan kemenyan seperti upacara tahunan. Dalam upacara ini terdapat satu sahaja lagu yang dinyanyikan iaitu Yak Lengging Kong Padau (*ibu benda jahat*). Lagu ini dinyanyikan untuk memanggil semua makhluk jahat (dengan maksud roh yang lebih superior) agar datang dalam upacara tersebut seterusnya menghalau semua roh-roh jahat di dalam badan pesakit. Bomoh akan membuang roh-roh jahat itu dengan menggunakan daun bonglai dengan memukul daun tersebut kepada pesakit.

### **Sewang Sambut Tetamu**

Sewang ini sering dilakukan dalam kenduri kahwin dan majlis meraikan orang kenamaan. Sewang ini bertujuan untuk meraikan tetamu yang datang. Bagi kenduri kahwin upacara sewang dilakukan selama 3 hari 2 malam. Ketua sewang dan pengikutnya akan menari beramai-ramai sambil bermain buluh panjang sebagai alat muzik. Antara lagu yang dinyanyikan dalam upacara ini ialah Doh Putau (*sambut tetamu*), Genael Tom Cibei (*memanggil cahaya matahari*) dan Beh Balan Jamu Tak Sewo (*tempat tinggal orang zaman dahulu*). Upacara ini juga dilakukan pada sebelah malam. Menurut Pak Kulim, lirik lagu sewang ini hanya menggunakan bahasa Kensiu sahaja. Pada masa kini upacara sewang perubatan jarang dilakukan kerana masyarakat Kensiu menggunakan perkhidmatan moden di hospital dan klinik. Penduduk kampung Ulu Legong juga telah ramai memeluk agama Islam dan upacara sewang adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang telah mereka pelajari.

### **Masakan dan Makanan Tradisi**

Makanan tradisi orang Kensiu ialah ikan, monyet, lotong, ubi, keledak, pucuk paku dan pucuk ubi. Kebiasaannya mereka akan memasak bubur yang dipanggil subai dalam bahasa Kensiu. Bahan-bahan untuk memasak subai ini ialah ubi, pucuk ubi, pucuk paku dan sayur-sayuran yang lain. Terdapat pelbagai jenis ubi yang menjadi makanan mereka seperti ubi sat, ubi takok dan ubi mangkil. Selain dimasak bersama bubur, ubi juga dibakar dan dimasak dalam buluh.

Masyarakat Kensiu pada zaman dahulu juga makan semua binatang seperti lotong, monyet, kura-kura, labi-labi, tupai dan lain-lain lagi. Mereka akan memanggang binatang tersebut atau memotong kecil-kecil dan dimasukkan di dalam buluh. Selain itu, mereka memakan pisang bakar dan pisang rebus. Kesimpulannya, hasil hutan sangat penting sebagai sumber makanan orang asli Kensiu pada zaman dahulu. Kini, masakan orang Kensiu kebanyakan sama dengan masakan Melayu seperti sambal ayam, rendang, tempoyak dan gulai bersantan yang dimakan dengan nasi.

### **Kepercayaan dan Adat Resam Orang Kensiu**

#### **Kepercayaan**

Setiap kaum atau bangsa di dunia ini mempunyai kepercayaan dan adat resam yang tersendiri. Kepercayaan adalah sesuatu yang mereka percaya dan anuti termasuklah dalam bidang agama. Adat resam pula ialah kegiatan atau amalan yang telah menjadi kebiasaan dilakukan sesuatu kaum itu. Orang Asli Kensiu juga mempunyai kepercayaan dan pegangan terhadap adat resam yang tersendiri. Sistem kepercayaan mereka bolehlah dianggap sebagai satu alat 'social control' dan 'social sanction'. Menerusi bomoh, pawang atau halaq tiap-tiap kumpulan cuba menentukan supaya ahli-ahlinya tidak menyeleweng dari kehendak kumpulan-kumpulan mereka pada keseluruhannya. Ringkasnya dalam sesebuah masyarakat yang bergerak tanpa sistem kawalan yang formal, sistem kepercayaan tersebut tentu sama sekali

mempunyai satu fungsi yang agak penting. Dewasa ini masih ramai orang Asli yang menganut fahaman Animisme, namun telah terdapat sebahagian daripada mereka menganut agama-agama lain seperti Islam, Kristian, Bahai dan lain-lain.

Suku bangsa Negrito ini percaya bahawa dunia ini didiami oleh berjenis-jenis dewa dan makhluk-makhluk "*supernatural*". Makhluk-makhluk ini dikenali sebagai "*orang hidup*". Mereka dipanggil demikian kerana orang hidup tidak akan mati iaitu berbeza dengan manusia biasa. Di antara "*orang hidup*" ini, yang paling kuasa ialah "*Tok Pedin*". Mengikut kepercayaan mereka Tok Pedinlah yang menjadikan sekalian alam termasuklah manusia, mergastua, gunung-ganang dan semua tumbuh-tumbuhan. Dalam menjalankan tugas-tugasnya, *Tok Pedin* mempunyai seorang penolong bernama *Karei*. Kadang kala *Karei* dianggap sebagai lebih penting kerana Kareilah yang selalu berhubung dengan manusia biasa. Selain dari dua watak ini, ada lagi beberapa dewa yang bertanggungjawab mengenai ribut dan taufan, hutan, tumbuh-tumbuhan, batu-batu besar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kareilah yang sebenarnya "*mustahak*" dan mempunyai pengaruh yang tinggi. Beliau yang menjaga agar adat dan pantang-larang masyarakat dipatuhi dengan sepenuhnya. Misalnya, satu kesalahan telah dilakukan, maka *Karei* akan menurunkan hujan dan ribut atau mendatangkan harimau atau binatang-binatang liar yang lain.

### **Kepercayaan Berbentuk Larangan**

Terdapat juga kepercayaan-kepercayaan berbentuk larangan. Sekiranya larangan tersebut tidak dipatuhi ia akan membawa keburukan. Dalam hubungan kekeluargaan masyarakat Kensiu, terdapat pantang larang yang masih diamalkan sehingga kini di mana menantu perempuan tidak boleh bersua muka dan bercakap dengan bapa mentua dan saudara lelaki sebelah suami seperti abang ipar dan bapa saudara. Mereka juga tidak boleh berkongsi pinggan mangkuk. Masyarakat Kensiu percaya jika mereka melanggar pantang larang ini bala akan berlaku. Kepercayaan ini wujud sejak dahulu lagi apabila seorang menantu dan bapa mentua demam sehingga menemui ajal.

### **Pantang Larang Semasa Hamil**

#### **Suami**

Semasa isteri mengandung si suami juga perlu berhati-hati melakukan perkara-perkara seperti semasa memotong buluh. Pastikan pergelangan buluh dipotong agar air tidak bertakung. Hal ini dipercayai akan memberi kesan kepada isteri dan bayi. Jika memburu pula, darah binatang itu tidak boleh mengalir ke dalam sungai. Jika tidak sesuatu yang buruk akan berlaku seperti kilat, guruh dan cara mengelakkannya ialah membayar dengan darah. Antara binatang yang tidak boleh diburu semasa isteri hamil ialah biawak, tenggiling, kura-kura bukit, burung sageng, burung pumpang dan kubung. Suami juga tidak boleh memancing ikan kerana dikhuatiri memberi kesan kepada isteri dan tidak boleh menuturkan perkara yang tidak elok seperti mengumpat.

#### **Isteri**

Isteri pula dilarang dari mengangkat barang-barang yang berat dan tidak boleh berdiri atau duduk di atas tunggul pokok yang telah mati. Jika perkara ini berlaku dipercayai isteri akan mengalami kesukaran untuk melahirkan anak. Di kampung Lubuk Legong terdapat dua orang bidan yang mempunyai kepakaran secara tradisional untuk menyambut bayi yang baru lahir. Tetapi kini, perkhidmatan bidan kampung telah digantikan oleh jururawat kesihatan yang ditugaskan di kampung Lubuk Legong.

### **Pantang Larang Selepas Bersalin**

Ibu yang baru bersalin tidak boleh makan makanan yang sejuk seperti timun bukit, umbut bayah dan lain-lain. Si ibu perlu tidur di sebelah unggun api sehingga sihat dan peranakan sembuh semula. Si ibu juga perlu meletakkan sejenis daun ke bahagian perut untuk proses



penyembuhan. Amalan ini dilakukan sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Apabila sistem peranakan telah sembuh si ibu boleh memakan semua makanan dengan dijampi oleh bomoh. Pantang larang seterusnya ialah, kain berdarah yang keluar dari rahim ibu bersalin tidak boleh dicuci dan dihempas di sungai. Masyarakat Kensiu percaya jika perkara ini dilakukan kilat, ribut, banjir, hujan batu dan guruh akan berlaku di kampung berkenaan. Untuk mengelakkan perkara ini berlaku berterusan ia perlu dibayar dengan darah oleh orang yang mencuci kain berkenaan. Setelah mengambil darah, bomoh akan pergi ke sungai dan melepaskan darah tersebut. Sehingga kini pantang larang ini dielakkan kerana pernah terjadi pada suatu ketika dahulu.

## Kesimpulan

Kajian ini mengupas isu khususnya berkaitan kebudayaan masyarakat Orang Asli yang unik yang mana semakin kurang diketahui, dipelajari dan diamalkan oleh generasi mereka sendiri. Kajian ini juga membolehkan hasil penyelidikan dapat digunakan sebagai rujukan bagi pengkaji lain yang ingin membuat kajian berkaitan suku kaum Kensiu yang tinggal di Baling, Kedah. Selain itu, kajian ini juga penting untuk pendokumentasian kerana boleh menjadi rujukan masyarakat dan juga para penyelidik yang berminat untuk mengkaji tentang komuniti orang Asli dan kebudayaan mereka. Selain kajian ini juga berpotensi mengembangkan dan memantapkan lagi bidang ilmu kebudayaan orang Asli. Hal ini kerana, budaya orang Asli umumnya, dilihat semakin hilang dan terkikis akibat arus pemodenan dan globalisasi yang berlaku pada masa kini.

## Rujukan

- Benjamin, Geoffrey. (2012). *The Aslian Languages of Malaysia and Thailand: An Assesment* In Peter K. Austin & Stuart McGill (eds.). *Language Documentation and Description*, 11, 136-230.
- Carey. (1976). *Orang Asli : The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design, Chosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Denaizal. (2009). *Orang Asal: Budaya Masyarakat Orang Asli*.  
<http://denaizal.blogspot.com/2009/03/budaya-masyarakat-orang-asli.html>.  
29/7/2018.
- Hunt A.W. (1952). *An Introduction to the Malayan Aborigines*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Ivor, H. N. Evans. (1968). *The Negritos of Malaya*. Frank Cass & Co Ltd.
- Jasman Ahmad. (1997). *Masyarakat Orang Asli (Sari Kebudayaan Masyarakat Melayu)*. Melaka: Associated Education Distributor (M). Sdn Bhd.
- Jimin Idris. (1972). *A Brief Note Of The Orang Asli Of Peninsular Malaysia And Their Ad Ministration*. Kuala Lumpur: JHEOA.
- Mee. S. & Ibrahim, Y. (2008). *Pembandaran dan Penempatan Semula Komuniti Orang Asli*. Disunting oleh Yahaya Ibrahim. dlm. Redzuan, M. & Gill, S. (Ed). *Orang Asli: Isu, Trasformasi dan Cabaran*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Siti Aminah Mohd. (2015). *Kajian Amalan Budaya Orang Asli Suku Kaum Jakun di Kampung Peta*.  
[http://eprints.uthm.edu.my/7029/1/SITI\\_AMINAH\\_MOHD\\_SAM.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/7029/1/SITI_AMINAH_MOHD_SAM.pdf).  
10/8/2018.

Yusof, R. (2010). *Asas Sains Sosial : Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.